



KERJA-KERJA PELUPUSAN BAHAN-BAHAN SISA KOREKAN BAGI PROJEK PEMBINAAN JIMAH POWER STATION, PORT DICKSON

Daripada : Pegawai Pelabuhan, Jabatan Laut Wilayah Tengah.
Kepada : Syarikat-Syarikat Perkapalan, Malim Pelabuhan, Nakhoda Kapal,
Pelaut Tempatan, Nelayan-Nelayan dan Semua Pihak Yang Berkaitan.
Tarikh : 17Jun 2005.

Dimaklumkan bahawa kerja-kerja pelupusan bahan sisa korekan dari Jimah Power Station akan dijalankan di perairan Port Dickson, kira-kira selama tempoh 15 bulan mulai dari 23 Jun 2005.

2. Vesel-vesel yang akan digunakan dalam projek itu adalah seperti berikut:-
- (i) Sebuah Kapal Korek dari jenis "*Grab Dredger*": INAI MELOR.
 - (ii) Dua buah Barj dari jenis "*Hopper Barge*" : INAI ROSE 11 & INAI ROSE 28
 - (iii) Tiga buah kapal tunda "*Anchor Tug*" : JETTA 16, JETTA 17 & JETTA 22
3. Semua vesel yang terlibat dalam projek itu akan memasang isyarat-isyarat siang dan malam yang bersesuaian di sepanjang tempoh projek. Manakala bahan-bahan korekan pula akan dilupuskan di tapak pembuangan khas yang terletak, pada kedudukan Garisan Lintang 02° 26.0' Utara dan Garisan Bujur 101° 44.5' Timur.
4. Selaras dengan itu, maka semua vesel (kapal-kapal, bot-bot serta bot nelayan) adalah diingatkan supaya berhati-hati semasa melalui kawasan projek dan di mana praktikal serta selamat, hendaklah memberikan kelegaan munasabah kepada vesel-vesel yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

(**SELVARAJU A/L MARUTHAMUTHU**)

b.p. Pegawai Pelabuhan,
Jabatan Laut Wilayah Tengah,
Pelabuhan Klang.

- s.k:
- (i) Ketua Pengarah Laut,
Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia.
(u.p: Pengarah Bahagian Keselamatan Pelayaran.
 - (ii) Pengarah Laut Wilayah Tengah.
 - (iii) Pegawai Laut Port Dickson.
 - (iv) Ketua Penolong Pengarah,
Unit Perkhidmatan Trafik Maritim (MRCC/VTs)